

Teh ais cincau raih pendapatan lumayan

4/4/17 - BH

➔ Harungi pelbagai cabaran sebelum berjaya

Oleh **Nor Azma Laila**
norazma@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Keputusan pelajar Doktor Falsafah (PhD), Universiti Sains Malaysia (USM), Nur Rafidah Asyikin Idris untuk menjalankan Perniagaan Francais Jalanan dengan menjual teh ais cincau, jenama PYORR ternyata berbaloi apabila pernah meraih keuntungan ribuan ringgit sehari.

Pelajar PhD Bandar dan Metropolitan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM itu pernah menjual 22 balang teh ais cincau dalam tempoh lapan jam pada Majlis Pentauliahan PALAPES USM sekali gus meraih keuntungan besar.

"Pada hari itu, saya hampir pengsan kerana tidak sempat makan dan berehat kerana terlalu ramai pelanggan tetapi ternyata penat lelah dan pengorbanan itu berbaloi apabila berjaya mendapat pendapatan yang memberangsangkan.

"Selain itu, saya juga per-

nah membuka gerai di beberapa program yang dianjurkan universiti termasuklah majlis konvokesyen, hari keusahawanan dan banyak lagi karnival yang dianjurkan di sekitar Pulau Pinang," katanya.

Sejak memulakan perniagaan menjual teh ais cincau pada Mac 2017 di Lipsin, Lebu Nipah, Pulau Pinang, kini anak kedua daripada empat adik-beradik itu membuka beberapa lagi cawangan termasuklah di Taman Tun Sardin, Gelugor dan Balik Pulau.

Operasi gerai pula bermula pada jam 11 pagi hingga 6 petang, setiap Isnin hingga Sabtu.

Buka cawangan

Berkongsi detik awal pembabitannya dalam bidang perniagaan teh ais cincau, pelajar yang berasal dari Teluk Intan, Perak itu mendapat idea untuk memulakan perniagaan francas berkenaan kerana ketika itu di Pulau Pinang belum ada pemiaga menjual teh ais cincau.

Tambahan pula, beliau dan suami sering kali membeli teh ais cincau kerana rasanya sangat sedap sekali gus menguatkannya lagi keinginan Nur Rafidah Asyikin untuk mendaftar sebagai ejen PYORR.

"Saya sangat bertuah kerana ketika itu, stokis PYORR di Pulau Pinang membuat promosi untuk 10 ejen yang terawal mendaftar dan berbekal-



Nur Rafidah Asyikin memilih menjalankan perniagaan teh ais cincau PYORR kerana minat yang mendalam terhadap bidang keusahawanan.

kan modal permulaan sebanyak RM130, saya boleh mendapatkan dua botol pati, susu pekat, susu cair, kanopi, meja, balang, pencedok, bekas pembancuh dan beberapa alat lain.

"Cara untuk menguruskan perniagaan ini mudah kerana pati teh, susu, cincau dan cawan sudah disediakan oleh stokis. Saya hanya perlu membancuh sahaja pati berkenaan dan dicampurkan dengan susu," katanya.

Nur Rafidah Asyikin mengakui bukan senang untuk memulakan perniagaan berkenaan kerana banyak kali usahanya untuk membuka gerai tidak diterima oleh rakan peniaga lain.

"Saya berterima kasih kepada rakan niaga yang dikenali dengan nama Yenie kerana mengizinkan saya untuk

membuka tapak di sebelah mereka sebagai permulaan langkah dalam dunia perniagaan sehinggalah saya berjaya membuka beberapa lagi cawangan pada hari ini.

"Selain berdepan persaingan daripada rakan niaga, pembahagian masa yang bijak juga adalah satu cabaran kepada saya yang bergelar pelajar, isteri, ibu dan peniaga sehingga mendorong saya untuk mengubah pekeraja bagi memudahkan urusan gerai di setiap cawangan," katanya.

Bagi meneruskan lagi minat dalam bidang perniagaan, Nur Rafidah Asyikin mengeluarkan jenama sendiri dikenali dengan nama 'LIKAT' yang menjual produk Milky Bandung dan beroperasi di Gerai Taman Tun Sardon pada awal bulan ini.